

HUKUM ZAKAT MATA WANG KRIPTO DAN ASET DIGITAL SERTA KAEDAH TAKSIRANNYA

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Kali Ke-4/2021 yang bersidang pada 8 Muharram 1443H bersamaan 17 Ogos 2021 telah memutuskan bahawa:

Hukum zakat ke atas mata wang kripto dan aset digital adalah wajib sebagaimana berikut:

- a) Mata wang kripto dan aset digital adalah termasuk dalam kategori '*al-Mal*' (harta) kerana ia mempunyai sifat '*al-Mutaqawwim*' (mempunyai nilai). Oleh itu, ia diwajibkan zakat berdasarkan dalil-dalil umum kewajipan zakat terhadap harta.
- b) Matawang kripto adalah bukan wang (*legal tender*) sama ada disisi syarak ataupun undang-undang. Namun ianya dikategorikan sebagai aset pelaburan atau sekuriti berdasarkan kepada Warta Kerajaan Persekutuan oleh Kementerian Kewangan pada 2019.
- c) Keputusan ini tidak terhad kepada matawang kripto dan aset digital yang diurusniagakan di platform dagangan (*Digital Asset Exchange*) yang berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia sahaja dalam menetapkan kewajipan mengeluarkan zakat terhadapnya.

d) Hukum zakat ke atas mata wang kripto dan aset digital serta kaedah taksirannya adalah sebagaimana berikut:

i. Mata Wang Kripto Dan Aset Digital Yang Termasuk Dalam Kategori Barang Perniagaan (*'Urud Tijarah*)

Hukum zakatnya adalah diqiyaskan kepada hukum zakat barang perniagaan (*'Urud Tijarah*).

ii. Mata Wang Kripto Dan Aset Digital Yang Termasuk Dalam Kategori Mata Wang (*as-Sarf*)

Hukum zakatnya adalah diqiyaskan kepada hukum zakat mata wang.

Status: Tidak Warta

DATO' DR. HAJI ANHAR BIN HAJI OPIR

Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor